



## **TEKS UCAPAN**

**YAB DATO' SERI DR AHMAD ZAHID  
BIN HAMIDI  
TIMBALAN PERDANA MENTERI  
&  
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN  
WILAYAH**

**SEMPENA  
LAWATAN KERJA KE KOMPLEKS  
INDUSTRI MAKANAN MARA  
(KIMAR)**

**28 FEBRUARI (SELASA)  
WAKTU KETIBAAN: 11.00 PAGI**

## **SALUTASI**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani.

## **MUKADIMAH**

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak MARA di atas sambutan yang diberikan sempena lawatan saya ke Kompleks Industri Makanan MARA (KIMAR) yang merupakan salah satu penyumbang penting kepada pembangunan industri Halal negara.

## **PEMBANGUNAN INDUSTRI HALAL**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

2. Skop pembangunan industri Halal ini sangat luas. Halal itu sesuai untuk semua pengguna tanpa mengira bangsa dan agama kerana ia berkait rapat dengan jaminan kualiti, pemuliharaan persekitaran, integriti dan ketelusan data serta amalan perniagaan yang lestari.
  
3. Halal ini tidak tertakluk kepada penyediaan makanan dan minuman sahaja, tetapi ia juga sesuai diaplikasikan dalam pelbagai sektor industri dan perkhidmatan. Konsep Halal terbukti bersifat sejagat untuk diguna pakai oleh semua.

4. Peluang bagi pembangunan industri Halal sentiasa terbuka luas berikutan **perdagangan halal di pasaran global diunjurkan mencecah RM22.34 trillion sehingga tahun 2030** dengan jumlah penduduk Islam di seluruh dunia yang dianggarkan mencapai 1.6 bilion. Manakala **nilai pasaran halal domestik Malaysia pula diunjurkan meningkat kepada RM400 bilion, sekali gus menyumbang 11 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2030.**

5. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), industri Halal telah dikenal pasti sebagai sektor strategik dan berimpak tinggi yang akan meningkatkan kapasiti dan keupayaan Malaysia dalam meningkatkan pembangunan tenaga kerja, memacu pembangunan industri, meningkatkan daya saing produk seterusnya menjadikan Malaysia sebagai hab halal global.

## **EKOSISTEM KEUSAHAWANAN HALAL**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

6. Ekosistem Keusahawanan Halal merangkumi kemudahan latihan untuk membangunkan modal insan, pembangunan perniagaan yang meliputi keseluruhan sistem dalam perniagaan serta menyediakan kemudahan dalam bentuk fasiliti sokongan yang diperlukan oleh sesebuah perniagaan seperti inkubator, premis perniagaan yang menepati spesifikasi industri halal, logistik halal serta akses kepada pasaran domestik dan antarabangsa.

7. Saya berasa bangga apabila dimaklumkan MARA mempunyai hampir keseluruhan Ekosistem Keusahawanan Halal lengkap yang saya sebutkan tadi.

8. MARA telah mengatur pelbagai strategi dalam menyediakan prasarana yang menyokong kepada pembangunan industri Halal. Ia, bermula dengan

penubuhan Inkubator Teknologi Makanan MARA (INTEM) yang menyediakan khidmat nasihat dan perundingan. Ini termasuklah latihan/kursus dalam aspek teknologi pemprosesan makanan, khidmat analisa dan pengurusan kualiti makanan serta aspek undang-undang yang berkaitan dengan industri pembuatan makanan yang telah memenuhi keperluan piawaian serta standard yang diperlukan.

9. INTEM juga menyediakan lot inkubator komersial yang menyediakan mesin-mesin untuk pemprosesan biskut, pastri, pes masakan, puri buah-buahan, pengeringan sejuk beku dan proses retort yang boleh dimanfaatkan oleh usahawan untuk peningkatan kualiti produk.
10. Selain itu, MARA juga mempunyai 19 lot kilang, 2 lot mini kilang dan satu lot ruang niaga di Kompleks Industri Makanan MARA (KIMAR) yang baru saya lawati tadi, 18 projek Kawasan Industri MARA (KIM) dengan 299 lot kilang dan 4 buah Halal Park MARA di Demak Laut, Tambun, Kuala Perlis dan Pengkalan Chepa dengan 103 lot kilang. Premis ini

dilengkapi dengan fasiliti kilang yang sedia untuk disewakan kepada usahawan bagi meluaskan pasaran perniagaan dan mendapatkan pensijilan yang berkaitan.

11. Tambahan itu, bagi melengkapkan sokongan MARA ke atas pembangunan industri Halal, tahun lalu, **MARA telah menyalurkan pembiayaan kepada usahawan dalam industri ini melibatkan peruntukan sebanyak RM36,689,190.00 yang telah memberi manfaat kepada 663 usahawan.**

12. Usaha berterusan MARA bagi memastikan Ekosistem Keusahawanan Halal MARA dan fasiliti yang disediakan adalah lengkap, MARA turut memberi fokus kepada sistem pengedaran atau logistik dan gudang penyimpanan yang mengutamakan ciri-ciri Halal.

13. Melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) di bawah Rolling Plan Pertama (RP1), Kerajaan telah meluluskan peruntukan bagi Program Pensijilan

Usahawan MARA iaitu Business Enrichment, Standardization and Transformation (BEST) yang merupakan program pensijilan keusahawanan bagi membantu meningkatkan standardisasi, produktiviti dan transformasi syarikat.

14. Pada tahun 2022, sebanyak 479 permohonan syarikat/usahawan untuk mendapatkan pensijilan Halal yang telah diluluskan di bawah program ini dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM4.6 juta. Pensijilan ini adalah bagi melengkapkan usahawan untuk bersedia menembusi pasaran tempatan dan antarabangsa.
  
15. MARA turut mengambil inisiatif membantu usahawan dari aspek pemasaran produk untuk menembusi pasaran tempatan dan global. Untuk pemasaran produk ke pasaran tempatan, Program Pembangunan Peruncitan Halal Mart (HALMART) merupakan platform pemadanan antara pengusaha pasaraya tempatan dengan pengeluar produk perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Seramai



100 usahawan telah berjaya memasarkan produk di 14 Halal Mart melibatkan 256 “*stock keeping unit*” (SKU).

16. Bagi akses ke peringkat antarabangsa pula, MARA melalui Program Gate To Global (GTG) telah berjaya menembusi pasaran di lebih daripada 23 negara melibatkan 56 usahawan.

17. Bukan itu sahaja, akses pasaran ini turut dikembangkan melalui platform online menerusi program Jananiaga bersama Shopee serta Desamall.

18. Dalam membangunkan modal insan, MARA melalui sistem pendidikan dan latihannya sedang memperkasakan pelbagai modul bagi melahirkan lebih banyak Bumiputera berpengetahuan dalam pelbagai bidang berkaitan halal. Bagi memastikan usahawan Bumiputera pakar dalam bidang Halal, MARA, melalui Universiti Kuala Lumpur Malaysia Institute of Chemical and Bioengineering Technology (UniKL MICET), Melaka telah dilantik

dan diiktiraf oleh Halal Professional Board (HPB) JAKIM sebagai Penyedia Latihan Halal (PLH). Setakat Februari 2023, UniKL mempunyai seramai tujuh (7) orang tenaga pengajar halal yang masih berkhidmat dan seorang koordinator halal. Sejak dilaksanakan, seramai 252 orang peserta telah menyertai program ini. Malahan, MARA turut melahirkan 20 Eksekutif Halal dari kalangan pegawai MARA pada tahun 2022.

19. Melalui program pembangunan industri Halal yang dibangunkan MARA, **tahun lalu sahaja, seramai 12,500 usahawan telah menerima manfaat** kemudahan keusahawanan melalui latihan, geran peningkatan, pembiayaan perniagaan dan penyewaan premis. Usahawan-usahawan ini telah berjaya menjana **jualan tahunan sebanyak lebih daripada RM2 bilion dan telah mewujudkan lebih 15,000 peluang pekerjaan.**

## **PENJENAMAAN SEMULA KIMAR**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

20. Lawatan saya pada hari ini juga bagi membuktikan bahawa MARA melalui ekosistem keusahawanannya yang lengkap - merupakan nadi penggerak dan telah memainkan peranan penting dalam pembangunan usahawan khususnya dalam industri halal.

21. Saya juga dimaklumkan tentang usaha MARA untuk menjenamakan semula nama KIMAR kepada MARA Halal Industrial Park dengan akronim MHI Park. Penjenamaan semula nama KIMAR kepada nama baharu saya berharap menepati fungsi dan peranannya sebagai penyedia 'Ekosistem Keusahawanan Halal' yang lengkap dan inklusif. Saya yakin dengan penjenamaan semula ini, MARA secara berterusan akan berusaha memantapkan kapasiti agensi agar dapat merealisasikan transformasi KIMAR. Jenama baharu ini juga akan

turut diperluas dan diselaraskan kepada semua Halal Park MARA di seluruh Malaysia.

## **PENUTUP**

Hadirin yang saya kasihi,

22.Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada MARA dan semua usahawan yang terlibat dalam pembangunan industri Halal MARA.

23.Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya mahu usahawan yang ada di hadapan saya ini mencari keunikan sendiri dengan mencari pasaran yang belum diterokai, pertimbangkanlah keperluan untuk mengubahsuai usaha penjenamaan dan promosi anda dalam mengakses pasaran baharu.

24.Kita perlu cekal dan berdaya saing dalam usaha mempelbagaikan potensi Halal.

**Sekian,**

**Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**